JABATAN PERTANIAN
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

# GARIS PANDUAN PELABELAN PRODUK RACUN MAKHLUK PEROSAK (PINDAAN 2020)

MOHD AZMAN TAHIR
KETUA PENOLONG PENGARAH
UNIT PELABELAN PRODUK
6 OKTOBER 2020

# LATARBELAKANG

- PELAKSANAAN GP PELABELAN BARU PERLU BAGI MEMBERI PANDUAN LENGKAP DAN TEPAT KEPADA PENDAFTAR BAGI MENGATASI KEKELIRUAN KEPERLUAN DALAM MENYEDIAKAN LABEL SEMASA PROSES PENDAFTARAN,TUKAR LABEL,TAMBAH SYOR DAN TAMBAH PEK SAIZ.
- PENDAFTAR SERING KALI TIDAK MENGIKUT FORMAT LABEL SEPERTI DIKEHENDAKI UNIT LABEL
- INI MENGAKIBATKAN LABEL TERPAKSA DIPINDA DAN BERLAKU PROSES REWORK YANG MEMBAZIRKAN WAKTU DAN SUMBER DAN MENGAKIBATKAN MASA PEMPROSESAN LABEL YANG PANJANG.
- PENDAFTAR GESA →→ UNIT LABEL STRESS

# ROADMAP PELAKSANAAN GARIS PANDUAN PELABELAN (PINDAAN 2020)

- **PERBINCANGAN PERTAMA DRAF GP** — JULAI 2019
- **SESI PERMURNIAN GP** — FEB 2020
- **PEMBENTANGAN KEPADA STAKEHOLDER /INDUSTRI** — JULAI 2020
- **GP BERKUATKUASA** — **OGOS 2020**

# KOMPONEN LABEL



# KOMPONEN LABEL

## PANEL SISI

3

23 PERNYATAAN AWAS

24 TANDA KERACUNAN

25 RAWATAN KECEMASAN

26 PERNYATAAN PENYIMPANAN DAN PEMBUANGAN

27

KATA AMARAN DAN KATA HEMAT BAHASA TEMPATAN II

## PANEL UTAMA

1 NAMA DAGANGAN LOGO PRODUK

2 KEGUNAAN | KOD MOA | PERUMUSAN

GAMBAR PEROSAK SASARAN (pilihan)

4 PERNYATAAN BAHAN PERAWIS AKTIF & LENGAI

7 NO. PENDAFTARAN

8 KANDUNGAN BERSIH

9 TARIKH MENGILANG

10 TARIKH LUPUT

11 ALAMAT PENDAFTAR

12 TALIAN KECEMASAN

13 BACA LABEL SEBELUM GUNA

KATA AMARAN DAN KATA HEMAT (BM) | CETAKAN KELAS | KATA AMARAN DAN KATA HEMAT (BI)

## PANEL SISI

2

15 PRA PENGENALAN PRODUK

16 CETAKAN PERINGATAN ATURAN PENGGUNAAN

17 JADUAL ATURAN PENGGUNAAN / SYOR

18 PHI

19 PERNYATAAN LARANGAN MERAGUT

20 PANDUAN MEMBANCUH

21 PANDUAN MENYEMBUR

22 REI

KATA AMARAN DAN KATA HEMAT BAHASA TEMPATAN I

# KANDUNGAN LABEL BAGI SETIAP KOMPONEN

**PANEL UTAMA**



**Contoh:**

| | | |
|---|---|---|
| RACUN KULAT | FRAC 3 | PEKATAN TEREMULSI (EC) |

| | | | |
|---|---|---|---|
| RACUN SERANGGA | IRAC 1B<br>IRAC 3A | PEKATAN TEREMULSI (EC) | ✓ |
| RACUN SERANGGA | **IRAC 1B<br>& 3A** | PEKATAN TEREMULSI (EC) | **X** |
| RACUN SERANGGA | IRAC 1B<br>& 3A | PEKATAN TEREMULSI (EC) | |
| RACUN SERANGGA | **IRAC 1B<br>IRAC 3A** | PEKATAN TEREMULSI (EC) | |

**Format Cetakan:**

(i) Titik perpuluhan **hendaklah sebaris atau selari atas dan bawah** bagi peratusan perawis aktif dan lengai.

(ii) Tambahan cetakan kandungan peratusan Perawis Aktif (asid) dalam unit % w/w atau g/L tidak dibenarkan.

**Perawis Aktif : aaaaaa bbbbbb............................ 00.0 % w/w**
**Perawis Lengai : ........................................................ 00.0 % w/w**

**Perawis Aktif : aaaaaa bbbbbb............................ 0 mg/unit**
**Perawis Lengai : ........................................................ 0 mg/unit**

**Perawis Aktif : aaaaaa bbbbbb.................................. 00.0 % w/w**
(aaaa.............................................0.00 % w/w / g/L)
**Perawis Lengai : ........................................................ 00.0 % w/w**

✖

**Perawis Aktif : aaaaaa bbbbbb.................................. 00.0 % w/w**
(aaaa.............................................0.00 % w/w)
**Perawis Lengai : ........................................................ 00.0 % w/w**

✖

| | |
|---|---|
| **glyphosate-isopropylammonium** | ✓ |
| **Glyphosate-isopropylammonium**<br>**GLYPHOSATE-ISOPROPYLAMMONIUM**<br>Glyphosate-Isopropylammonium<br>*glyphosate-Isopropylammonium* | **X** |

**Perawis Aktif :** ***Bacillus thuringiensis*** **subsp.** ***kurstaki*****.....00.0 % w/w**
(*Bacillus thuringiensis* subsp. *kurstaki* strain ABTS-351.........17,600 I.U/mg)

**Format Cetakan:**

(i) Nombor pendaftaran RMP yang telah disahkan oleh LRMP hendaklah dicetak **dalam huruf besar dan ditebalkan seperti** contoh berikut:

| Aktiviti | Cetakan |
|---|---|
| Pendaftaran Baharu | **No. Pendaftaran: LRMP. R/XXXX** |
| Pendaftaran Semula Kali-1 | **No. Pendaftaran: LRMP. R1/XXXX** |
| Pendaftaran Semula seterusnya | **No. Pendaftaran: LRMP. R2/XXXX** |

**Contoh: Penggunaan cetakan unit dengan ejaan penuh atau simbol**

| Ejaan Bahasa Melayu | Simbol |
|---|---|
| gram | g |
| kilogram | kg |
| liter | L |
| mililiter | ml |
| meter padu | $m^3$ |
| keping/gulung/unit | - |

**Contoh: Penggunaan cetakan penghurufan / simbol**

| gram atau g | liter atau L | ✓ |
|---|---|---|
| g.<br>Gram<br>*g*<br>gm | l.<br>*l*<br>Liter<br>Litre | X |

**Contoh: Satu ruang hendaklah digunakan untuk mengasingkan angka dari unit ukuran.**

| | |
|---|---|
| 500 g atau<br>500 gram | ✓ |
| 500g<br>500gram<br>500   gram | X |

**Contoh: Saiz penghurufan yang sama.**

| | |
|---|---|
| Kandungan Bersih : 500 gram atau 500 g<br>Kandungan Bersih : 1 kilogram atau 1 kg<br>Kandungan Bersih : 1 liter atau 1 L | ✓ |
| Kandungan Bersih : 500 g atau 500 gram<br>**kandungan Bersih : 500 g atau 500 gram** | X |

**Contoh format penulisan pembungkusan utama yang mempunyai pembungkusan kecil untuk tujuan jualan:**

| | |
|---|---|
| Kandungan Bersih : 250 g (10 g x 25 uncang)<br>Kandungan Bersih : 120 g (30 g x 4 penyuntik)<br>Kandungan Berish :  100 ml (10 ml x 10 botol) | ✓ |
| Kandungan Bersih : 250 g (10 g x 25)<br>Kandungan Bersih : 120 g (30  x 4 penyuntik)<br>Kandungan Bersih : 20 L (20 botol) | X |

# KANDUNGAN LABEL BAGI SETIAP KOMPONEN

**PANEL SISI**



**Contoh penulisan Nama biasa dan saintifik bagi perosak dan patogen penyakit:**

| | |
|---|---|
| Lalang (*Imperata cylindrica*)<br>Rumput Kerbau (*Paspalum conjugatum*)<br>Bena Perang (*Nilaparvarta lugens*)<br>Bintik Daun (*Cercospora capsici*)<br>Kulat Bendalir: (*Aspergillus niger* dan *Aspergillus flavus*) | ✓ |
| Lalang (Imperata cylindrica)<br>Rumput Kerbau (*Paspalum Conjugatum*)<br>Bena Perang (<u>*Nilaparvarta sp.*</u>)<br>*(Cercospora capsici*), Bintik Daun<br>**Kulat Bendalir:** (*Aspergillus niger, Aspergillus Flavus*) | **x** |

# KANDUNGAN LABEL BAGI SETIAP KOMPONEN

**PANEL SISI**



**Contoh:**
**Tanda Tertangguh bagi RMP Kelas 1a dan 1 b:**
**TANDA KERACUNAN:**
**Tanda Tertangguh:** ..........................., ......................., mati.

# RUPA BENTUK DAN GAYA PERSEMBAHAN LABEL

- dimensi cetakan
- warna latar belakang
- cetakan grafik
- cetakan logo
- warna *font*
- gambar
- simbol
- piktogram

# Dimensi Label RMP

- Saiz atau dimensi label mestilah dengan paparan minimum 80 peratus (%) daripada permukaan muka botol, kotak dan sebagainya
- Bagi pembungkusan besar dan pukal saiz label hendaklah minimum saiz **kertas A3 (420 mm x 297 mm)**.

# Warna Latar Belakang (Background) Label

- Latar belakang label boleh menggunakan apa-apa warna tetapi tidak boleh sama atau hampir sama dengan pita warna.
- Penggunaan warna putih sebagai latar belakang  bagi RMP Kelas IV dibenarkan dengan syarat menyediakan garis sempadan (border line).
- Warna font dan warna latar belakang persembahan label hendaklah berlawanan/kontras dengan warna font pernyataan.
- Penggunaaan gambar dan watermark berbentuk logo, lakaran gambar, font dan lain-lain tidak dibenarkan dijadikan latar belakang label.
- Penggunaan 'watermark' bagi SIPP tidak lagi dibenarkan dan digantikan dengan pernyataan SIPP diruangan kosong di panel sisi.

# Saiz Huruf Cetakan Pernyataan-Pernyataan Label

- **Saiz huruf cetakan (point) bagi semua cetakan pernyataan :**
  - Saiz penghurufan 9 *point* (pembungkusan biasa)
  - 7 *point* bagi pembungkusan kecil
  - bentuk taip (f*ont*) jenis Arial sebagai penanda aras;
- ***Font* hendaklah ditunjukkan dengan jelas, terang, mudah dibaca:**
  - *font* dan warna cetak yang mempunyai latar belakang yang berbeza supaya ianya mudah dibaca
  - Warna font mesti kontra dengan warna latarbelakang dan warna pek pembungkusan;
  - Rupabentuk font nama dagangan tidak boleh diulang sama seperti dipernyataan ayat pengenalan produk, panduan membancuh dan menyembur;
  - Font berwarna merah hanya dibenarkan bagi pernyataan-pernyataan yang menunjukkan amaran kepada pengguna.

# Penggunaan Bahasa Pada Label

- Maklumat pada panel utama label, hendaklah dinyatakan dalam Bahasa Melayu sahaja.
- Bagi panel sisi penggunaan Bahasa Melayu dan termasuk terjemahannya dalam bahasa lain boleh dicetak bergantung kepada kecukupan ruang pada dimensi label.

# Penggunaan Bahasa Pada Label

- **Penggunaan bahasa untuk cetakan label mestilah mematuhi perkara-perkara seperti berikut:**
  - Penggunaan bahasa Melayu mestilah betul dalam semua aspek tatabahasa, ejaan, tanda bacaan (punctuations) dan laras bahasa (expressions);
  - Terjemahan ke dalam mana-mana bahasa lain mestilah memberi maksud yang sama dengan maklumat yang asal dalam Bahasa Melayu; dan
  - Syarikat pendaftar perlu mengemukakan dokumen sokongan sijil penterjemahan bagi semua bahasa kecuali Bahasa Inggeris daripada penterjemah berdaftar/bertauliah

# Penggunaan Grafik

- **Syarikat pendaftar RMP adalah bebas untuk menggunakan sebarang cetakan grafik dengan syarat-syarat seperti berikut:**
  - Grafik berkaitan alam semulajadi seperti lebah, bunga, sungai, petir, air terjun dan sebagainya tidak dibenarkan
  - Grafik yang menggambarkan keselamatan RMP dan tidak berbahaya kepada manusia seperti makanan, ubat-ubatan, buah-buahan segar dan sebagainya serta boleh menarik perhatian kanak-kanak tidak dibenarkan;
  - Grafik yang tidak mempunyai unsur-unsur promosi dan pengiklanan produk RMP
  - Saiz grafik yang tidak terlalu besar yang boleh menghalang pernyataan untuk dibaca oleh pengguna
  - Grafik yang menjadi cap dagangan oleh pendaftar MyIPO perlulah disokong dengan sijil yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang bertanggungjawab dan mestilah masih dalam tempoh sah laku
  - Lain-lain grafik yang dianggap mengelirukan pengguna tidak dibenarkan

# Penggunaan Logo

- Logo syarikat bebas dicetak pada mana-mana bahagian panel utama kecuali di atas pita warna RMP dan tidak menindih mana-mana pernyataan pada cetakan label.
- Logo produk hanya dibenarkan berada di kiri atau kanan nama dagangan di panel utama sahaja.
- Saiz logo tidak melebihi saiz ketinggian nama dagangan.
- Hanya logo syarikat pendaftar, logo produk dan logo tambahan lain seperti HALAL sahaja dibenarkan dicetak pada label.
- logo HALAL pada masa ini hanya dihadkan kepada **produk RMP Isi Rumah** yang berasaskan losen sahaja.

# Penggunaan Gambar

- Tidak dibenarkan gambar tanaman yang normal untuk dicetak pada label bagi mengelakkan kekeliruan kepada pengguna.
- Cetakan gambar mestilah spesifik kepada jenis, tanda serangan, tanda dan gejala penyakit yang disebabkan oleh perosak sasaran.

# Penggunaan Gambar

- **Cetakan gambar pada label mestilah seperti berikut:**
  - Gambar mestilah berkualiti dengan warna yang jelas serta mudah dikenalpasti oleh pengguna.
  - Had bilangan gambar maksimum yang dibenarkan adalah berjumlah 3 keping dibawah nama dagangan
  - Cetakan gambar adalah pilihan kecuali bagi RMP dari jenis kegunaan Bahan Teknikal (TC) dan Pekatan Teknikal (TK) tidak memerlukan cetakan gambar.
  - Gambar perosak sasaran mestilah sama dengan pengesyoran pada jadual aturan penggunaan pada label sahaja.
  - Memerlukan kapsyen ringkas menerangkan tentang perihal gambar tersebut.

# Penggunaan Gambar

- Keperluan cetakan **skala pembesaran** bagi gambar organisma yang kecil dan bukan kebiasaan bagi orang awam dengan format penulisan **(_x)** ditebalkan dan ditindan pada sisi gambar perosak sasaran.
- Lakaran gambar secara **ilustrasi** hanya dibenarkan pada produk kegunaan **Isi Rumah** dan **perosak yang biasa** serta mudah dikenalpasti oleh orang awam bagi produk kegunaan Pest Control Operator (PCO) dan Kesihatan Awam.
- **Aturan penggunaan** secara gambar **ilustrasi** bagi menerangkan cara penggunaan dibenarkan sebagai tambahan pada label bagi **produk Veterinar dan Isi Rumah** sahaja dengan cetakan di panel sisi.

# Penggunaan Gambar

- Penggunaan gambar berbentuk lakaran kartun dan membawa maksud berlainan dengan cara tindakan RMP kepada perosak tidak dibenarkan.
- Cetakan gambar pada jadual penggunaan bagi panel sisi dan extended label tidak dibenarkan supaya jadual lebih ringkas dan mudah dibaca oleh pengguna.

# Penggunaan Simbol atau Ikon

- Dibenarkan hanya untuk
  - produk RMP Kegunaan Pertanian dan PCO yang memerlukan aplikasi goncang sebelum guna,
  - RMP Kegunaan Isi Rumah dan Veterinar sahaja.

# Penggunaan Simbol atau Ikon

- **Jenis cetakan ikon yang dibenarkan dicetak pada mana-mana panel adalah seperti berikut:**

- Ikon yang menerangkan tempoh pembakaran/kandungan lingkaran bagi Penghalau Nyamuk (MC) dan bilangan pipet pada RMP Veterinar serta tempoh kegunaan produk
- Ikon yang menunjukkan aplikasi produk yang perlu digoncang sebelum guna bagi RMP kegunaan Pertanian dan PCO sebagai contoh perumusan RMP dari jenis Pekatan Teremulsi (EC);
- Simbol atau ikon dengan cetakan khas yang perlu dicetak pada panel utama bagi produk RMP serangga semburan permukaan (Crawling Insect Knocdown-CIK) seperti yang diarahkan oleh LRMP;
- Ikon beramaran bagi produk Veterinar khusus bagi menunjukkan kesan kritikal kepada haiwan peliharaan sekiranya digunakan kepada haiwan lain dan  tidak mengikut pengesyoran  umur haiwan peliharaan;
- Ikon yang berunsur pengiklanan seperti ikon dengan cetakan efektif, berkesan, optimum dan penggunaan perkataan superlatif seperti ‘terbaik’, ‘paling berkesan’, ‘kawalan unggul’, dan sebagainya adalah tidak dibenarkan;

# Penggunaan Piktogram Pencegahan (Precautionary Pictograms)

- Piktogram yang bersesuaian adalah digalakkan untuk dicetak pada label
- Piktogram mengikut piawaian Food and Agriculture Organization (FAO)
- Piktogram FAO mesti dicetak dalam versi warna hitam dan putih mengikut susunan
- Piktogram FAO yang dicetak mestilah selari dengan pernyataan AWAS yang dicetak pada label;
- Piktogram GHS dibenarkan bagi produk kategori TC/TK/Pengawet khusus bagi tujuan perkilangan dan untuk kegunaan industri sahaja
- Piktogram GHS mesti dicetak mengikut piawaian GHS
- Piktogram GHS yang dicetak pada label mestilah sama seperti piktogram yang terdapat pada Risalah Data Keselamatan (SDS) produk.

# Pernyataan Jaminan/Waranti dan Akuan Yang Dilarang Dicetak Pada Label

- Akuan yang mengandungi perkataan superlatif, seperti terbaik, paling berkesan, kawalan unggul;
- Akuan yang membayangkan bahawa produk tersebut boleh membunuh semua perosak, sangat efektif, kesan yang maksimum dan sebagainya;
- Akuan yang tidak dapat disahkan;
- Akuan yang mencadangkan bahawa suatu RMP boleh mencegah, mengurangkan, merawat atau menyembuhkan penyakit yang akhirnya boleh meningkatkan 100% hasil dan pendapatan;
- Akuan yang menggunakan tuntutan keselamatan, termasuk pernyataan seperti selamat, tidak beracun, tidak berbahaya, mesra alam, tidak berbau dan Kawalan Perosak Bersepadu (IPM)
- Akuan yang menimbulkan atau mengeksploitasikan rasa takut pada pengguna bagi menggunakan produk RMP yang lain di pasaran seperti pernyataan yang membandingkan risiko, bahaya atau keselamatan produk dengan RMP atau bahan lain;
- Akuan yang menggunakan pernyataan secara langsung atau tidak langsung yang menunjukkan bahawa RMP tersebut disyorkan atau disokong oleh Kerajaan atau Agensi kerajaan.

# PENGECUALIAN KHAS BAGI PRODUK RMP KEGUNAAN ISI RUMAH, VETERINAR DAN BEKAS PEMBUNGKUSAN KHAS

- **Penggunaan Kotak Kadbod bagi melekatkan RMP (Blister Pack)**
  - Penggunaaan kotak kadbod bagi melekatkan RMP dan lain-lain tidak lagi tertakluk kepada peraturan-peraturan pelabelan dan telah didefinisikan sebagai media pengiklanan RMP.
- **Cetakan Pek Promosi Pada Bahagian Atas Bekas Pembungkusan**
  - cetakan pengiklanan yang dicetak terus pada label terutamanya bagi produk Aerosol (AE).
  - Promosi seperti pemberian kuantiti percuma didalam satu pembungkusan.

# PENGECUALIAN KHAS BAGI PRODUK RMP KEGUNAAN ISI RUMAH, VETERINAR DAN BEKAS PEMBUNGKUSAN KHAS

- **Penggunaan Cetakan Sila Rujuk Pada Pek Bagi Tarikh Mengilang dan Tarikh Luput**
  - Kedudukan tarikh sebenar dalam format dd/mm/yyyy boleh dicetak pada mana-mana bahagian pek pembungkusan kecuali pada pita warna.
- **Penggunaan Cetakan Pra Pengenalan Dalam Bentuk Ringkasan**
  - Dibenarkan dibuat secara ringkas secara *bullet point* bagi memudahkan pengguna untuk mendapatkan maklumat berkaitan RMP.
- **Penggunaan Ikon Tambahan Bagi Produk Multi Insect Killer (MIK), CIK, Flying Insect Knocdown (FIK), Veterinar dan PCO.**
  - Dibenarkan mencetak ikon serangga yang pelbagai jenis seperti nyamuk, lalat, kelkatu, bari-bari, pinjal, sengkenit dan lain-lain dalam versi warna hitam dan putih (*monochrome*)

# PENGECUALIAN KHAS BAGI PRODUK RMP KEGUNAAN ISI RUMAH, VETERINAR DAN BEKAS PEMBUNGKUSAN KHAS

- **Cetakan Logo Produk dan Gambar MC, MV, LV, Alat Pemanas, Pipet dan Lain-Lain Bagi RMP Kegunaan Isi Rumah dan Veterinar**
  - logo produk dibenarkan dicetak sekali sahaja secara berulang pada mana-mana panel sisi bergantung kepada kesesuaian susunan di rak pasaraya mengikut jenis kotak.
- **Penggunaan Grafik Yang Dilengkapi Dengan Logo Produk dan Cetakan Nama Dagangan Bagi Produk Kegunaan Isi Rumah**
  - saiz tidak melebihi 50% daripada ketinggian keseluruhan label

# PENGECUALIAN KHAS BAGI PRODUK RMP KEGUNAAN ISI RUMAH, VETERINAR DAN BEKAS PEMBUNGKUSAN KHAS

- Penggunaan Gambar Haiwan Bagi Produk RMP Kegunaan  Veterinar
  - Gambar haiwan (*pet*) dibenarkan dicetak pada ruangan label RMP kegunaan veterinar **dengan saiz tidak melebihi 50% daripada ketinggian keseluruhan label**
- **Penggunaan Gambar Lingkaran Nyamuk (MC), Kepingan Meruap (MV), Cecair Meruap (LV) Serta Gambar Alat Pemanas, Kelambu dan lain-lain Bagi RMP Kegunaan Isi Rumah**
  - dibenarkan dicetak pada ruangan label RMP kegunaan Isi Rumah dengan saiz **tidak melebihi 50%** daripada ketinggian keseluruhan label

# PENGECUALIAN KHAS BAGI PRODUK RMP KEGUNAAN ISI RUMAH, VETERINAR DAN BEKAS PEMBUNGKUSAN KHAS

- **Penggunaan Ikon Bagi RMP Jenis Kelambu / Jaring**
  - Penggunaan ikon khas bagi menunjukkan amaran atau tegahan mengenai kaedah membasuh dan penjagaan dibenarkan dicetak pada panel sisi label.
- **Pek saiz minimum bagi RMP Kegunaan Isi Rumah dan Veterinar**
  - kelas IV adalah minimum 20 ml/ 20 gram dan ke atas sahaja
- **Cetakan Minimum Bagi Pembungkusan Kecil Produk Veterinar Yang Menggunakan Pembungkusan Jenis Pipet (Spot on)**
  - pembungkusan kecil seperti pipet dikecualikan untuk mencetak kesemua pernyataan yang diwajibkan
  - Cetakan minimum yang wajib dicetak pada pipet adalah Nama Dagangan, No Pendaftaran RMP dan Kandungan Bersih.

# BAHAN CETAKAN LAIN BAGI SOKONGAN MAKLUMAT KEPADA LABEL

- **Sisipan Bungkusan (Package Insert) Dalam Bentuk Flyers atau Leaflet**
  - sisipan bungkusan adalah merupakan optional
  - Bebas untuk memasukkan pernyataan secara spesifik dan huraian terperinci mengenai aturan penggunaan.
  - Walau bagaimanapun, aturan penggunaan secara ringkas perlu ditunjukkan pada label produk.
  - Sisipan tidak boleh mengandungi apa-apa cetakan yang dilarang seperti pernyataan akuan, pengiklanan, grafik dan sebagainya

# BAHAN CETAKAN LAIN BAGI SOKONGAN MAKLUMAT KEPADA LABEL

- **Penggunaan Kod**
  - Penggunaan Bar kod dan QR kod dibenarkan dengan syarat hanya menghubungkan kepada perihal produk sahaja seperti contoh Tarikh Mengilang, No. Kelompok, Tarikh Luput, Sisipan Pembungkusan dan Risalah Data Keselamatan Produk (SDS);

# WAY FORWARD




PEMANTAPAN

GP PELABELAN

# SEKIAN, TERIMA KASIH